

Tiada 'ghost smoke' dijual di Perlis

KANGAR - Tiada penjualan gula-gula berasap *ghost smoke* dikestan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis di negeri ini.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Perlis, Mohamad Amir Abdullah berkata, pihaknya telah menjalankan pemeriksaan ke semua peringkat perniagaan, iaitu borong dan runcit di Perlis sejak 23 Julai lepas hingga semalam.

"Bagaimanapun, tiada premis perniagaan dikesan membuat penjualan gula-gula berada itu dalam pemeriksaan ke atas 125 premis dalam tempoh berkenaan.

"Kita akan terus melakukan pemeriksaan dan berharap semua peniaga tidak menjual produk gula-gula berasap terbabit," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, orang awam turut digesa menyalurkan maklumat dan membuat aduan jika lau mendapati ada premis menjual gula-gula berasap di premis mereka.

"Jikalau ada peniaga terbukti menjual produk tersebut, maka tindakan undang-undang akan diambil ke atas mereka dibawa Akta Perihal Dagangan 2011," katanya.